

# BAB SATU

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN DARI ASPEK KEROHANIAN MENURUT AKHLAK ISLAM

### 1.0 PENDAHULUAN

Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang paling mulia dan mempunyai kelebihan berbanding makhluk yang lain. Permulaan penciptaan insan sebagai khalifah di muka bumi ini merupakan sebaik-baik kejadian dan diperintahkan untuk mengabdikan diri kepada Allah.<sup>1</sup>

Dalam bab yang pertama ini, penulis akan membincangkan mengenai definisi pembangunan modal insan, pembangunan modal insan menurut perspektif Islam, pembangunan modal insan menurut perspektif Barat, kepentingan pembangunan kerohanian dalam pembentukan akhlak Islam dan kaitan antara pembangunan modal insan dengan pembangunan kerohanian.

### 1.1 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Istilah pembangunan modal insan terbentuk dari tiga perkataan iaitu pembangunan,<sup>2</sup> modal<sup>3</sup> dan juga insan.<sup>4</sup> Istilah yang terbentuk dari ketiga-tiga perkataan ini yang

---

<sup>1</sup> Rujuk surah al-Baqarah (2):31, surah al-Tīn (95):4 dan surah al-Dhāriyāt (51):56.

<sup>2</sup> Dari segi bahasa pembangunan bermaksud perihal membangun, proses membangun atau mencapai kemajuan, perkembangan dan sebagainya. Ianya merupakan usaha atau kegiatan membangunkan iaitu memajukan dan mengembangkan. Lihat Hajah Noresah bt Baharom (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.123.

<sup>3</sup> Modal merupakan wang atau harta benda yang dipergunakan sebagai pangkal atau pokok untuk berniaga dalam erti kata menghasilkan sesuatu yang menambah kekayaan dan lain-lain. Selain itu ia juga bermaksud sesuatu yang menambahkan kekayaan dan lain-lain. Ia turut membawa maksud sesuatu yang digunakan untuk mendapatkan dan mencapai sesuatu yang lain, buah fikiran dan idea. Lihat *Ibid.*, h.1038.

<sup>4</sup> Insan merupakan makhluk ciptaan Allah yang tidak terlepas dari kealpaan. *Ibid.*, h.580; selain itu nilai kemanusiaan yang terdapat pada manusia yang disebut di dalam al-Qur'an dengan terma *al-insan* itu terletak

mewujudkan maksud sebenar konsep ini. Walaubagaimanapun, maksud atau definisi sebenar konsep ini secara umumnya adalah bermula dengan perbincangan mengenai maksud pembangunan itu sendiri.

Secara umumnya pembangunan merupakan suatu proses peningkatan dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik merangkumi segala aspek sama ada kemanusiaan (keinsanan), kebendaan, keilmuan dan juga teknologi.<sup>5</sup> Dalam erti kata lain, pembangunan mengandungi idea peningkatan keupayaan dan potensi apabila merujuk kepada suatu gerakan ke hadapan bermula daripada satu posisi yang lebih rendah kepada satu posisi yang lebih besar dari segi pencapaian, peluang dan manfaat.<sup>6</sup> Selain itu juga, ianya merupakan proses usaha penyusunan sesebuah masyarakat atau negara yang bersifat proaktif ke arah memaju dan meningkatkan kualiti hidup manusia di peringkat individu dan bermasyarakat.<sup>7</sup>

Walaubagaimanapun, pembangunan bukanlah matlamat tunggal yang ingin dicapai, tetapi ia merupakan wasilah ke arah supaya manusia itu dapat memainkan peranan yang lebih bermakna selaku khalifah Allah di muka bumi ini. Usaha pembangunan ini hendaklah

---

pada tingginya darjat manusia yang membuatnya layak menjadi khalifah di bumi dan mampu memikul akibat-akibat taklif serta memikul amanat. Lihat h. Muhammad `Izz al-Din Tawfiq (1998), *al-Ta`şil al-Islāmī li al-Dirāşāt al-Nafsiyyah: al-Baḥḥ fī al-Nafs al-Insāniyyah wa al-Manzūr al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Salām, h. 121; ‘Aisyah bintu Syati (Dr) (1969), *Manusia dalam Perspektif al-Quran*. Ali Zawawi (terj). Jakarta: Pustaka Firdaus, h.7.

<sup>5</sup>Che Bakar Che Mat *et.al* (2007), *Pembangunan Dari Perspektif Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), h.5.

<sup>6</sup> Faudzinaim Badaruddin (2006), “Pembangunan Ummah: Relevensi Peranan Tasawuf dalam Konteks Moden”, dalam Ahmad Sunawari Long dan Zul’azmi Yaakob (eds.), *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, h.132.

<sup>7</sup> Tuan Haji Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan (2005), “Falsafah Pembangunan Negara Mengikut Kacamata Islam” dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah al-Haj*. Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor. h. 99.

dilakukan secara bersungguh-sungguh kerana ia satu keperluan kepada negara dalam misi memberikan kebajikan kepada umat manusia.<sup>8</sup>

Falsafah dan sistem pembangunan di dalam Islam bertitik tolak daripada rasa tanggungjawab Rabbani di samping memenuhi nilai-nilai asli manusia sendiri. Pembangunan dalam Islam mendukung dasar-dasar ketuhanan, nilai-nilai kemanusiaan dan alam dengan bermatlamatkan *al-falāḥ* di dunia dan di akhirat.<sup>9</sup>

Selain itu, ia turut mencakupi tiga dimensi utama iaitu dimensi menegak yang melibatkan perhubungan manusia dengan Allah, dimensi mendatar iaitu perhubungan manusia dengan manusia dan sumber alam serta dimensi mendalam iaitu perhubungan manusia dengan dimensi kerohanian.<sup>10</sup>

Ketiga-tiga dimensi perhubungan ini termasuk di dalam pembangunan rohaniah yang dikaitkan dengan perhubungan manusia dengan Allah S.W.T., perhubungan antara sesama insan dan perhubungan antara individu dan masyarakat. Ini kerana pembangunan rohaniah lebih penting di dalam Islam dan tidak hanya tertumpu kepada kesejahteraan material di dunia sahaja.<sup>11</sup>

Dalam membicarakan mengenai konsep pembangunan modal insan ianya merujuk kepada unsur terpenting yang hendak dibangunkan iaitu manusia. Membangunkan manusia

---

<sup>8</sup> Joni Tamkin Bin Borhan (2005), "Peranan Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam dalam Pembinaan Ummah Bertamadun," (Seminar Ketamadunan Ummah Sempena Hari Jadi TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Yang ke-67, 9 Ogos 2005), h.11.

<sup>9</sup> Idris bin Zakaria (1991), "Penghayatan Nilai-Nilai Islam Dalam Kehidupan," dalam Ismail Abdul Rahman dan Mohd Nasir Omar, *Islam Cabaran dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.172, 173.

<sup>10</sup> Muhammad Syukri Salleh (1987), *Pembangunan Berteraskan Islam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 65.

<sup>11</sup> Ataul Haq Pramanik (1998), *Pembangunan dan Pengagihan Dalam Islam*. Amar Said (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 208.

bererti mempertingkatkan kualiti diri manusia sama ada dari aspek mental atau pemikiran, fizikal atau jasmani, rohani atau keimanan dan emosi atau jiwanya.<sup>12</sup> Dalam erti kata lain manusia mestilah dibangunkan dengan sifat kemanusiaannya atau keinsanannya serta memiliki sifat yang selayaknya untuk menjalankan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam al-Qur'an.<sup>13</sup> Antaranya firman Allah mengenai sebaik-baik penciptaan Allah S.W.T. adalah manusia iaitu:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.

Surah al-Tin (95):4

Dr Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī dalam karyanya "*Manhaj al-Haḍārah al-Insāniyyah fī al-Qurān*" menyatakan dua hakikat manusia menurut al-Qur'an iaitu merupakan makhluk Allah yang dicipta daripada bahan yang rendah iaitu tanah dan hakikat kedua ialah makhluk yang dimuliakan ke atas seluruh makhluk yang lain. Dalam erti kata lain, manusia dipilih untuk menjadi khalifah Allah di muka bumi ini.<sup>14</sup> Dalam hal ini, al-Imām al-Rāghib al-Isfahānī menjelaskan tujuan asas kehidupan manusia sebagaimana yang telah digariskan di dalam al-Qur'an dibahagikan kepada tiga iaitu untuk beribadah kepada

---

<sup>12</sup> Fariza Md Sham dan Idris Zakaria (2006), "Peranan Dakwah Dalam Pembangunan Modal Insan: Pembinaan Peradaban Masyarakat Islam Di Malaysia," dalam *Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006*. 26-27 Julai 2006. Dewan Kuliah Utama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 246.

<sup>13</sup> Che Bakar Che Mat *et.al.*, (2007), *opc.it.*, h.8-9.

<sup>14</sup> Muhammad Sa'īd Ramadhan al-Buti (2004), Muhammad Ramzi bin Omar (terj), *Islam Hadhari dalam Pembangunan Insan*. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari. h. 28-51.

Allah, menjadi khalifah Allah di atas muka bumi ini dan mengimarahkan atau membangunkan bumi Allah.<sup>15</sup>

Ibadah kepada Allah Ta'ala merupakan tujuan utama kerana ia menunjukkan bahawa manusia ini merupakan hamba Allah dalam erti kata ibadah ini dijalankan sebagai tanda ketaatan mutlak seorang hamba kepada penciptanya dalam usaha mengenal Pencipta iaitu Allah.<sup>16</sup> Manakala tujuan kedua yang telah dikhususkan oleh Allah terhadap Bani Adam dan zuriat keturunannya ialah sebagai khalifah Allah yang diberikan pengetahuan yang mana perkara ini tidak diberikan kepada makhluk ciptaanNya yang lain.<sup>17</sup> Konsep kekhalifahan manusia di dunia ini membawa maksud menjalankan perintah Allah, mendirikan kebenaran dan keadilan sebagaimana perintah Allah,<sup>18</sup> berakhlak dengan akhlak Allah dengan kadar kemampuan manusia dan berusaha untuk berada di landasan yang benar. Sedangkan tujuan ketiga penciptaan manusia iaitu memakmurkan bumi<sup>19</sup> yang merupakan bahagian atau tugas penting khalifah dan agama penting untuk keberlangsungan hidup di akhirat kelak kerana hakikat dunia ini sebagai ladang akhirat. Ketiga-tiga tujuan ini saling berkait di antara satu sama lain dan seorang Mukmin yang sebenar akan dapat menjalankan ketiga-tiganya dengan sempurna.<sup>20</sup>

Berdasarkan ketiga-tiga tujuan tersebut, apa yang dapat difahami ialah menjadi tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah untuk memberi petunjuk tentang pembangunan manusia kerana manusia merupakan teras kepada kemakmuran dunia dan

---

<sup>15</sup> Yūsuf al-Qarāḍāwī (1995), *al-Islām Ḥaḍārah al-Ghaḍ*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h.181-185.

<sup>16</sup> Rujuk surah al-Dharyat (51):56 serta surah al-Talaq (66):12.

<sup>17</sup> Rujuk surah al-Baqarah (2):30-33.

<sup>18</sup> Rujuk surah Sad (38):26.

<sup>19</sup> Rujuk surah Hud (12):61.

<sup>20</sup> Yūsuf al-Qarāḍāwī (1995), *op.cit.*,h. 185.

ianya perlu dibangunkan menurut syariat Islam yang sebenar. Ini kerana Allah S.W.T. telah berfirman bahawa tujuan penciptaan manusia ini tidak sia-sia kerana ia akan dipertanggungjawabkan di atas setiap perlakuannya di dunia. Allah S.W.T. berfirman:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ ﴿١١٥﴾

Maka apakah kamu mengira, bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu secara main-main (saja), dan bahwa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?

Surah al-Mu'minun (23): 115

Ayat ini menjelaskan kehidupan manusia ini tidak terhenti hanya di dunia kerana suatu hari nanti mereka akan kembali kepada Allah dan mendapat balasan atas apa yang dikerjakan di dunia. Ia menunjukkan tentang kepentingan tujuan asas penciptaan manusia yang boleh dikaitkan dengan konsep pembangunan modal insan supaya ianya seiring dengan suruhan Allah sebagaimana yang telah disebut di dalam al-Qur'an al-Karim.

### **1.1.1 Pembangunan Modal Insan Menurut Perspektif Islam**

Islam sangat menekankan kelahiran insan berkualiti yang menguasai ilmu, berfikiran luhur, memiliki akhlak mulia, bertoleransi, mempunyai daya saing tinggi dan sebagainya. Semua ciri-ciri yang dinyatakan ini merupakan sebahagian daripada unsur-unsur pembangunan modal insan. Pembangunan modal insan merupakan antara misi Islam dalam membentuk umat yang berjaya di dunia dan akhirat. Tumpuan pembangunan sepanjang tradisi Islam ialah ke arah pembangunan insan kerana pada diri insan terdapat potensi yang amat bernilai. Al-Qur'an turut memberi keutamaan kepada pembangunan

insan kerana pada insanlah terletak kekuatan untuk membangunkan persekitarannya<sup>21</sup> sebagaimana firman Allah:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَعْدِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.

Surah al-Isra' (17):70

Menurut Prof. Khurshid Ahmad, persoalan yang lebih besar di dalam Islam ialah pembangunan manusia. Fungsi utama Islam ialah untuk memimpin pembangunan manusia mengikut garis panduan yang betul dan ke arah yang sebaik-baiknya.<sup>22</sup> Pada pandangan beliau, asas-asas falsafah pembangunan berdasarkan pendekatan Islam adalah tauhid,<sup>23</sup> *rubūbiyyah*,<sup>24</sup> *khilāfah*<sup>25</sup> dan juga *tazkiyah*.<sup>26</sup>

<sup>21</sup> Sidek Baba (Prof) (2008), "Pembangunan Modal Insan dalam Pembangunan Negara" (Seminar Pembangunan Insan di Malaysia, 8 Januari 2008), h. 3.

<sup>22</sup> Mohd Kamal Hassan(1988), *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. h. 250.

<sup>23</sup> Keesaan dan kekuasaan Allah. Asas ini meletakkan peraturan-peraturan tentang hubungan Tuhan dan manusia serta manusia dengan manusia.

<sup>24</sup> Sifat Allah sebagai penguasa yang membuat peraturan-peraturan bagi menampung dan menjaga serta mengarahkan kehidupan makhluk ke arah kesempurnaannya. Ini merupakan hukum yang asasi dalam alam seagat yang menunjukkan kepada cara yang ditetapkan oleh Allah bagi menjamin pembangunan sumber-sumber alam secara bermanfaat dan juga hubungan saling bantu membantu antara satu sama lain. Di dalam konteks peraturan yang ditetapkan oleh Allah inilah usaha-usaha manusia berlaku.

<sup>25</sup> Peranan manusia sebagai utusan Allah di bumi. Asas ini menentukan status dan peranan manusia dan ia menjelaskan tanggungjawab manusia sebagai manusia, sebagai muslim dan sebagai umat Islam selaku penerima peranan khalifah Allah di muka bumi. Dari sini terbitnya konsep Islam tentang manusia sebagai pemegang amanah Allah dalam bidang akhlak, politik dan ekonomi dan juga prinsip-prinsip pengaturann masyarakat.

<sup>26</sup> Penyucian dan pertumbuhan sewajarnya. Misi semua Nabi Allah ialah antara lain mensucikan manusia dalam semua hubungannya dengan Allah, dengan manusia, dengan alam sekitar, dengan masyarakat dan dengan negara.

Berdasarkan asas-asas tersebut konsep pembangunan dalam Islam adalah bersifat menyeluruh yang merangkumi aspek moral, material dan kerohanian (spiritual). Ini kerana pembangunan menjadi suatu aktiviti yang berorientasikan matlamat dan nilai yang mana ia bertujuan mengoptimumkan kesejahteraan manusia dalam semua aspek tadi. Kesemua aspek ini tidak boleh dipisahkan.<sup>27</sup>

Ja'far Shaykh Idris dalam artikelnya "Pembangunan Negara Berteraskan Islam" telah menyatakan bahawa membangunkan diri seseorang bermakna membangunkan ciri-ciri yang membentuk intisari manusia.<sup>28</sup> Intisari manusia itu menurut Islam ialah suatu kuasa yang diberikan kepada setiap manusia secara fitrah dan mampu untuk dibangunkan atau dibantutkan, tetapi tidak boleh dilenyapkan sepenuhnya. Pembangunan dan kematangan kuasa ini berlaku apabila manusia mengakui hakikat kehambaan kepada Allah serta mengabdikan diri kepadaNya. Secara umumnya fitrah manusia ini perlu dibangunkan untuk menjadi hamba Allah yang sebenar-benarnya.<sup>29</sup>

Selain itu, pembangunan ekonomi, sosiobudaya dan lain-lain yang ingin dibangunkan masih boleh diteruskan selagi ianya tidak mengorbankan pembangunan insan dan masih di dalam lingkupan prinsip-prinsip agama Islam. Aspek kebendaan dan kerohanian dalam kehidupan perlulah saling melengkapi. Dalam erti kata lain, memanfaatkan dunia untuk memperoleh kebaikan di akhirat adalah sesuatu yang dituntut

---

<sup>27</sup> Syed Othman al-Habshi (1990), "Kaedah Perlaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia," dalam Mohd Syukri Salleh (eds.)(1990), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. h.120.

<sup>28</sup> Ja'far Shaykh Idris (1977), "Pembangunan Negara Berteraskan Islam," dalam Syed Omar Syed Agil (terj.), *Islam dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 19.

<sup>29</sup> *Ibid.*,h.19.



Islam kerana apa yang dijadikan oleh Allah ini merupakan manfaat untuk kegunaan manusia.<sup>30</sup>

Oleh kerana manusia merupakan paksi dalam pembangunan baik luaran mahupun dalaman, maka sebarang proses pembangunan mestilah dimulakan dengan kerohanian, moral, fizikal dan persekitaran manusia kerana manusia merupakan agen bagi suasana fizikal dan persekitarannya.<sup>31</sup> Secara jelasnya apa yang dapat dilihat, aspek induk dari pembangunan adalah pembangunan manusia.<sup>32</sup> Manusia merupakan agen perubahan dan bertanggungjawab pada dirinya sendiri untuk mencorak hidup supaya berjaya atau gagal di dunia dan di akhirat.<sup>33</sup>

Menurut perspektif Islam, modal insan membawa maksud satu keunggulan keperibadian yang dimiliki oleh manusia iaitu penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi dan akhlak yang mulia dalam konteks melaksanakan tugas dan tanggungjawab bersama yang diamanahkan bagi meningkatkan kemakmuran bagi manusia dan alam seluruhnya.<sup>34</sup> Manakala pembangunan insan membawa maksud usaha-usaha berterusan sepanjang hayat dalam memupuk dan mengembangkan potensi-potensi yang ada dalam diri manusia agar menjadi subur dan kental rasa keimanannya terhadap Rukun Iman serta berupaya terdorong untuk menggesa dan menyumbang ke arah kebaikan dan kesejahteraan

---

<sup>30</sup> *Ibid.*, h.19.

<sup>31</sup> Atikullah Hj Abdullah dan Mohd Nizam Sahad (2008), "Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Insan Dalam Membangunkan Negara Menurut Perspektif Islam Dan Barat", (Seminar Pembangunan Insan di Malaysia. 8 Jun 2008), h. 9.

<sup>32</sup> Che Bakar Che Mat *et.al* (2007), *op.cit.*, h. 8.

<sup>33</sup> Aidit Ghazali (1990), *Development: An Islamic Perspective*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications. h. 23.

<sup>34</sup> Abdul Rahman bin Ahmad (2006), *Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy. h. 21.

hidup dirinya sendiri, orang lain dan alam seluruhnya.<sup>35</sup> Ianya juga merupakan proses memperkasakan individu dan anggota komuniti.<sup>36</sup>

Pembangunan modal insan dalam perspektif Islam tidak hanya menekankan aspek pembangunan intelektual dan emosional, malah melibatkan pembangunan spiritual (kerohanian). Pembangunan modal insan yang tidak seimbang akan merosakkan potensi-potensi manusia yang merangkumi potensi *ruh*, potensi *nafs*, potensi *qalb*, potensi akal dan potensi inderawi.<sup>37</sup>

Daripada apa yang telah diketengahkan, pembangunan modal insan ini merujuk kepada insan atau manusia itu sendiri yang perlu dibangunkan menurut acuan ajaran Islam. Kualiti pembangunan manusia yang dibangunkan ini adalah merujuk kepada pembangunan diri yang seimbang dari aspek rohani dan jasmani. Dalam usaha membangunkan diri insan tersebut memerlukan kepada usaha berterusan dalam usaha memberi manfaat kepada orang lain.

Justeru, menurut pandangan Islam, pembangunan terjadi secara berperingkat yang mana peringkat pertama disebut peringkat kerohanian. Ianya dinamakan *tazkiyah al-nafs* yang bererti membangunkan kebaikan yang wujud dalam diri manusia dan menggalakkan pertumbuhannya sehingga dia melaksanakan dan memenuhi kehendak gambaran yang

---

<sup>35</sup>Zakaria Stapa (2001), *Akidah dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. h. 39.

<sup>36</sup> Hasnah Hussin (2007), "Globalisasi: Kesannya Ke Atas Pembentukan Modal Insan Di Malaysia," dalam Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin *et.al* (eds.), *Modal Insan*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang. h. 177.

<sup>37</sup> Al-Ghazālī (1982), *Ihyā' `Ulūm al-Dīn*, Jil. 3, Beirut: Dār al-Ma`rifah, h. 3; Azmi Shah bin Suratman dan Nurazmallail bin Marni (2006), "Sumbangan Ilmuan Islam Dalam Psikologi Dan Kesannya Terhadap Pembangunan Modal Insan," dalam *Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006*. 26-27 Julai 2006. Dewan Kuliah Utama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 368.

diberikan oleh Allah S.W.T. tentang penciptaanNya dalam bentuk yang paling baik.<sup>38</sup> Konsep pembangunan insan dalam pengertian *tazkiyah al-nafs* ini merujuk kepada suatu usaha gigih untuk membersihkan diri manusia daripada pelbagai sifat mazmumah lalu dihiasi dengan sifat-sifat *mahmudah*. Dengan kata lain mengangkat tahap nafsu insan itu dari tahap *ammārah bi al-sū'* kepada *nafs al-mutmainnah*. Karektor insan yang dibangunkan dari proses *tazkiyah* ini ialah insan yang berakhlak mulia.<sup>39</sup>

Matlamat utama pembangunan insan pula ialah untuk membina diri manusia supaya layak menjadi anggota masyarakat yang dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Ketinggian sahsiah, akhlak dan jatidiri merupakan matlamat dalam pembangunan insan yang perlu dicapai. Ia juga bertujuan untuk membangun diri atau membangun potensi diri bagi membangun masyarakat dan negara. Matlamat tersebut sangat penting kerana ia menjadi petunjuk arah kepada pelaksanaan segala usaha.<sup>40</sup>

Modal insan ini jika digerakkan dengan betul akan mampu untuk menjana kemajuan dalam semua bidang dan akhirnya mampu pula menempa kemajuan dan perubahan. Pembangunan modal insan dalam proses keilmuan dan pendidikan pula mesti mampu menyaring ilmu-ilmu bermanfaat selaras dengan ajaran Islam. Ini penting supaya manusia yang bakal lahir mampu membina tamadun baru yang tidak menolak kepentingan nilai

---

<sup>38</sup> Al-Ghazālī (1982), *op.cit.*, Jil. 3, h. 48; Syaykh Muhammad Qutb (1994), "Asas Pembangunan Islam," dalam Syed Omar Syed Agil (terj.)(1994), *Islam dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1, 3.

<sup>39</sup> Al-Ghazālī (1982), *op.cit.*, Jil. 3, h. 48; Zakaria Stapa (1999), *op.cit.*, h. 42, 43.

<sup>40</sup> Abdul Aziz Mohd Zin (2010), "Pembangunan Insan Melalui Pemerkasaan Dakwah," dalam Mohd Roslan Mohd Nor *et.al* (eds), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 34, 35.

dalam membangunkan akhlak dan pada masa sama tidak menolak kepentingan ilmu alat untuk mengurus sistem dan kehidupan itu sendiri.<sup>41</sup>

Kesimpulannya, pembangunan modal insan menurut perspektif Islam ini merujuk kepada perihal membangunkan insan dalam usaha untuk mencapai sesuatu berkaitan dengan hakikat insan yang tidak terlepas daripada hakikat kejadiannya yang merangkumi unsur jasmani dan rohani tanpa mengeneipkan unsur-unsur luaran seperti ekonomi, sosial, dan lain-lainnya. Namun, dalam konteks sebagai seorang Muslim, penekanan kepada pembangunan modal insan ini diutamakan kepada pembangunan rohani kerana ia melibatkan proses pembangunan diri manusia dari aspek potensi yang ada di dalam diri manusia itu sendiri. Ianya bermatlamatkan *al-falāḥ* iaitu kejayaan yang tidak hanya dicapai untuk di dunia semata-mata tetapi juga di akhirat.

### **1.1.2 Modal Insan Menurut Barat**

Istilah modal insan atau “*human capital*” telah diperkatakan seawal tahun 1776 apabila orang pertama mempelopori teori ekonomi klasikal iaitu Adam Smith telah membincangkannya dalam konteks mendefinisikan istilah modal atau *capital*. Dalam konteks ekonomi klasik perkataan modal yang dikatakan bermula dengan tulisan Adam Smith berjudul “Wealth of Nations” pada tahun 1776 adalah merujuk kepada benda atau barang seperti peralatan, bangunan dan kenderaan. Manusia hanya dilihat dari segi tenaga yang dicurahkan (*labour*) dalam erti kata manusia menggunakan tenaga fizikal atau kekuatan otot untuk menghasilkan sesuatu. Tanggapan terhadap peranan manusia ini

---

<sup>41</sup> Shuhairimi Abdullah *et.al* (2010), “Melestari Pembangunan Manusia Ke Arah Penjanaan Modal Insan: Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif al-Quran,” dalam Mohd Roslan Mohd Nor *et.al* (eds), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 72.

berterusan semenjak tulisan Adam Smith pada suku akhir abad ke-18 hinggalah ke awal abad ke-20.<sup>42</sup> Peranan manusia sebagai faktor pengeluaran telah dibincangkan oleh beliau dan faktor-faktor tersebut ialah alat/mesin, bangunan, tanah dan tenaga buruh. Peranan manusia hanya dilihat dari segi tenaga yang digunakan dalam pengeluaran. Istilah modal manusia belum digunakan lagi ketika ini.<sup>43</sup>

Secara umumnya, Adam Smith telah mendefinisikan empat jenis aset tetap iaitu mesin yang berfungsi sebagai instrumen perdagangan, bangunan sebagai lokasi penjana pendapatan, guna penuh tanah dan modal insan selaku nadi organisasi.<sup>44</sup> Modal insan dilihat sebagai aset terpenting selaku penyelaras dan pengurus keempat-empat aset tetap. Beliau merumuskan bahawa modal insan sebagai pekerja yang mempunyai gabungan kemahiran, kecekapan fizikal, intelektual, psikologi serta kebolehan membuat keputusan dan pertimbangan.<sup>45</sup>

Manusia buat pertama kalinya dilihat sebagai modal dalam tulisan Arthur Cecil Pigou pada tahun 1928. Beliau yang merupakan seorang Profesor Ekonomi di Universiti Cambridge, England membincangkan mengenai istilah *human capital*. Beliau menyatakan terdapat pelaburan dalam modal manusia, selain daripada modal benda atau fizikal.<sup>46</sup>

Jacob Mincer turut mempelopori istilah ini untuk digunakan dalam kesusasteraan ekonomi moden neoklasik. Seawal tahun 1958, beliau telah menulis sebuah artikel bertajuk

---

<sup>42</sup> Ahmad Mohamad Said (2007), "Pembangunan Modal Insan: Konsep, Perkembangan, Cabaran Dan Implikasi," dalam *Pembangunan Insan Aspirasi dan Realiti*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah, h. 1.

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 6.

<sup>44</sup> Munira Abdul Razak (2007), "Memahami Modal Insan : Konsep Dan Aplikasi Kontemporari," dalam Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin *et.al* (eds.), *Modal Insan*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang, h. 4.

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 5.

<sup>46</sup> Arthur Cecil Pigou (1949), *A Study in Public Finance*, London: Macmillan, h. 29; Ahmad Mohamad Said (2007), *op.cit.*, h. 1, 6.

“Investment in Human Capital and Personal Income Distribution” yang diterbitkan *The Journal of Political Economy*.<sup>47</sup> Idea tentang modal insan ini turut dibincangkan oleh Gary Becker, seorang pakar ekonomi dalam karyanya *Human Capital* yang diterbitkan pada tahun 1964.<sup>48</sup> Intipati dari karya ini ialah modal manusia adalah serupa dengan faktor pengeluaran yang berbentuk fizikal seperti wang, kenderaan dan harta.<sup>49</sup> Gary Becker mentakrifkan modal insan sebagai kekayaan dari segi kemahiran, kecekapan, pengetahuan yang dimiliki oleh individu melalui proses pendidikan atau latihan supaya dapat menghasilkan produktiviti yang tinggi.<sup>50</sup> Becker menerangkan bahawa modal insan adalah sama dengan “physical means of production” seperti kilang-kilang dan mesin-mesin, seseorang boleh melabur dalam modal insan melalui pembelajaran (education), latihan (training), dan rawatan perubatan (medical treatment) dan pendapatan (income) seseorang adalah sebahagiannya bergantung kepada kadar pulangan modal insan yang dimilikinya.<sup>51</sup>

Pembangunan modal insan atau modal insan yang diketengahkan oleh beberapa tokoh Barat ini lebih merujuk kepada manusia sebagai makhluk ekonomi dan kemahiran yang ada pada manusia yang digunakan untuk mempertingkatkan produktiviti. Kecekapan dan kemahiran yang terdapat pada manusia itu membantu untuk memajukan sesebuah negara dalam usaha pembangunan. Gambaran yang terlintas apabila menyebut mengenai pembangunan dalam perspektif Barat ialah kemewahan, kemakmuran ekonomi, kehebatan prasarana dan perlambangan fizikal. Perkataan pembangunan ini juga tidak langsung

---

<sup>47</sup> Munira Abdul Razak (2007), *op.cit.*, h. 5; “Jacob Mincer, 1922- “, <http://cepa:newschool.edu/het/profiles/mincer.htm>, 21 Julai 2006.

<sup>48</sup> Che Zarrina Sa’ari dan Syed Muhammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2008), “Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan,” *Jurnal Usuluddin*. Bil 27. h. 3.

<sup>49</sup> Ahmad Mohamad Said (2007). *op.cit.*, h. 1.

<sup>50</sup> Sufean Hussin dan Norliza Zakuan (2009), *Dasar Modal Insan 60:40 Dalam Sains dan Teknologi*. Kuala Lumpur: Tinta Publishers. h. 20.

<sup>51</sup> Ahmad Mohamad Said (2007). *op.cit.*, h. 3.

dikaitkan dengan dimensi kehidupan yang lain seperti akhlak, kerohanian dalam erti kata lain apa yang berkaitan dengan aspek keagamaan.<sup>52</sup> Dapat disimpulkan bahawa pembangunan barat yang menggambarkan manusia dalam berbagai hal masih dilihat daripada perspektif satu dimensi iaitu lahiriah semata-mata tanpa mengambil kira aspek kerohanian.<sup>53</sup>

Menurut Ahmad Mohamad Said, pada amnya ciri-ciri *human capital* dengan modal insan adalah sama iaitu penekanan kepada pendidikan, latihan dan nilai (sikap/budaya). Walau bagaimanapun perbezaanya terletak pada pandangan semesta (*world-view*) terhadap manusia. Teori *human capital* Barat melihat manusia sebagai ‘haiwan ekonomi’ dan tumpuan ialah kepada diri jasmani atau aspek fizikal dan luaran manusia. Aspek dalaman yang dilihat hanya terhad kepada akal manusia. Manakala ‘modal insan’ pula melihat manusia yang mempunyai kedudukan tinggi dan mulia, manusia yang merupakan kesatuan di antara rohani dengan jasmani dan dilengkapi dengan fitrah murni serta nilai-nilai insan.<sup>54</sup>

Jelasnya pembangunan yang didakuhkan oleh kebudayaan dan tamadun Barat yang berpengaruh hanyalah pembangunan duniawi ini sahaja. Pertamanya, mereka berpegang bahawa tiada alam lain melainkan dunia ini sahaja. Justeru itu, pembangunan manusia adalah bermatlamatkan, dan dinilai berdasarkan kepada pencapaian dan keseronokan di dunia ini- dunia yang terjadi melalui suatu evolusi panjang yang bertahap-tahap tanpa Pencipta.<sup>55</sup>

---

<sup>52</sup> Atikullah Hj Abdullah dan Mohd Nizam Sahad (2008), *op.cit.*, h. 7, 8.

<sup>53</sup> Andek Masnah Andek Kelawa (2004), “Dakwah dan Pembangunan Insan Seimbang,” *Jurnal IKIM*. Jil. 12 (1) Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. Januari /Jun 2004. h. 120.

<sup>54</sup> Ahmad Mohamad Said (2007), *op.cit.*, h. 15.

<sup>55</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Pembangunan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 5.

## 1.2 AKHLAK ISLAM

Menurut Islam, sifat asasi bagi seorang insan ialah akhlaknya. Ini kerana tujuan hidup insan adalah melaksanakan kebaikan dalam hidup di dunia dan amal kebaikan itu tidak sempurna melainkan dengan membangunkan syiar Allah dan berakhlak dengan akhlak yang baik. Matlamat *akhlāq al-ḥasanah* (akhlak yang baik) ini adalah sebagai jaminan kebahagiaan individu di dunia dan di akhirat kelak. Syariat yang diturunkan adalah untuk mentarbiyah jiwa insan dengan adab yang baik dan akhlak yang mulia sehingga ianya menjadi kebiasaan.<sup>56</sup>

Akhlak di dalam Islam merupakan paksi asas di dalam pembentukan sifat seseorang insan. *Khuluq* yang merupakan kata asal bagi akhlak disebut sebanyak dua kali di dalam al-Qur'an iaitu pada surah al-Qalam ayat ke 4 dan juga surah al-Shu'ara' ayat yang ke 126. Walau bagaimanapun, ayat pertama ini yang menyebut "kedudukan yang terpuji"<sup>57</sup> adalah merujuk kepada "akhlak Rasulullah s.a.w." yang juga merupakan qudwah untuk diikuti dan dicontohi sebagaimana firman Allah Ta'ala:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Surah al-Ahzab (33):21

<sup>56</sup> Muḥammad Munīr Mursī (1998), *Mujtama' al-Faḍīlah al-Akhlāq fī al-Islām*, Kaherah: 'Ālam al-Kutub, h. 29.

<sup>57</sup> 'Alī Ma'bad Faraghī (1975), *Muḥāḍarāt fī al-Akhlāq*, Kaherah: Maktabat al-Kuliyyāt al-Azhariyyah, h. 86; Aḥmad 'Abd al-Raḥīm al-Ṣābiḥ (1997), *al-Faḍīlah wa al-Radhā 'il fī al-Islām*, Kaherah: Markaz al-Kitāb li al-Nashr, h. 97.



Dan Hadith Baginda s.a.w. iaitu:

عَنْ سَعْدِ بْنِ هِشَامِ بْنِ عَامِرٍ قَالَ أَتَيْتُ عَائِشَةَ فَقُلْتُ يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ أَخْبِرِينِي بِخُلُقِ  
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ كَانَ خُلُقُهُ الْقُرْآنَ

“Daripada Sa`di bin Hishām bin ‘Āmir berkata: aku datang kepada ‘Aisyah dan berkata “Wahai Umm al-Mu’minin, Khabarkan kepadaku tentang akhlak Rasulullah s.a.w., lalu ia berkata sesungguhnya akhlak nabi itu ialah al-Qur’an”<sup>58</sup>

Berdasarkan ayat dan juga Hadith tersebut yang merujuk kepada akhlak Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan bahawa al-Qur’an itu sendiri mudah untuk disebut tafsirannya dengan lisan akan tetapi adalah sukar dan payah untuk mentafsirkannya dengan jalan pengamalan seperti yang telah dilaksanakan oleh Baginda.<sup>59</sup> Justeru itu, seharusnya sebagai umat Islam perlulah melazimi diri dengan akhlak mulia sebagaimana contoh yang telah dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri dan memperelokkan akhlak.

### 1.2.1 Definisi Akhlak Islam

Perkataan akhlak merupakan jamak kepada *khuluq* iaitu tabiat, perangai dan tingkah laku dari dalam yang dapat dilihat melalui luaran sama ada ianya secara semulajadi atau diusahakan.<sup>60</sup> Selain itu, ia membawa maksud adat, tabiat, kebiasaan, perangai, kelakuan, kelaziman dan peradaban yang baik.<sup>61</sup> Istilah *khuluq* menggambarkan bentuk atau kejadian manusia dari sudut batin. Manakala *khalq* pula ialah bentuk atau kejadian manusia dari

<sup>58</sup> Aḥmad ibn Ḥanbal (1995), *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, Jil. 41, Shu`ayb al-Arnaūt dan ‘Ādil Murshid (tahqiq), “Tatimmah Musnad al-Anṣār, Musnad al-Ṣādiqah ‘Ā`ishah binti al-Ṣiddīq”, no hadith 24601, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 41.

<sup>59</sup> ‘Alī Ma’bad Faraghī (1975), *op.cit.*, h. 86.

<sup>60</sup> Ibn Manẓūr (1955), *Lisān al-‘Arab*. Jil.10. Beirut: Dār al-Ṣādir. h. 86-87.

<sup>61</sup> Jāmil Ṣalibā (1978), *al-Mu`jam al-Falsafī*. Jil. 1. Mesir: Dār al-Kitāb al-Miṣrī. h. 539.

sudut lahir. Istilah akhlak merupakan paduan antara bentuk kejadian lahir (jasmani) dan juga batin (rohani).<sup>62</sup> Al-Ghazālī turut menyatakan bahawa *al-khuluq* dan *al-khalq* merupakan dua keadaan yang digunakan bersama. Sebagai contoh “si fulan baik dari segi akhlak dan kejadiannya”. Di sini ia membawa maksud baik dari segi batin dan zahir yang mana *al-khalq* merujuk kepada zahir dan *al-khuluq* merujuk kepada batin kerana manusia terdiri daripada jasad yang dapat dilihat dengan mata, serta ruh dan nafs yang berkait dengan *al-baṣīrah*.<sup>63</sup> Al-Ghazālī turut memberi perincian bahawa akhlak itu merupakan pemerihalannya mengenai suasana atau keadaan yang terdapat dalam jiwa atau lebih difahami dengan gambaran batin diri seseorang, yang dengannya menyebabkan berlaku kecenderungan ke arah salah satu daripada dua jenis perlakuan iaitu baik atau buruk.<sup>64</sup>

Dimensi akhlak yang meliputi aspek batiniyah (jiwa) dan zahiriyah (luaran) tidak berpisah di antara satu sama lain akan tetapi ianya dikombinasikan secara serentak. Aḥmad Amīn menerangkan akhlak ialah sifat batiniyah atau kejiwaan yang bukan lahiriah kerana perbuatan lahiriah dinamakan sebagai kelakuan atau muamalat di mana ia merupakan gambaran dan bukti wujudnya sifat kejiwaan.<sup>65</sup>

Menurut definisi para ulama, akhlak adalah suatu sifat yang tertanam dengan kuat dalam diri yang melahirkan perbuatan-perbuatan dengan mudah, tanpa berfikir panjang, merenung dan memaksakan diri. Perbuatan yang lahir sama ada baik atau buruk ini tidak

---

<sup>62</sup> Majd al-Dīn Abī al-Sa`ādāt al-Mubārak bin Muḥammad al-Jazārī (1964), *al-Nihāyah Fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Āthār*. Jil. 2. Riyadh: Maktabah al-Islāmiyyah, h. 70.

<sup>63</sup> Al-Ghazālī (2001), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Jil. 3, Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah. h. 49.

<sup>64</sup> *Ibid.*.

<sup>65</sup> Aḥmad Amīn (1969), *Kitāb al-Akhlāq*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 63.

memerlukan pemikiran dan pertimbangan.<sup>66</sup> Sifat-sifat yang tidak tertanam kuat dalam diri, seperti kemarahan seorang yang asalnya pemaaf, tidak dikategorikan sebagai akhlak. Demikian juga, apabila seorang yang bakhil ingin menjadi dermawan kerana ingin mendapatkan kemasyhuran akan sukar untuk melakukannya dan perlu berfikir panjang. Dalam keadaan ini ianya tidak dinamakan akhlak.<sup>67</sup> Selain itu, akhlak merupakan sifat insan yang terdidik.<sup>68</sup>

Berdasarkan keterangan mengenai definisi akhlak yang telah dikemukakan, dapat difahami bahawa akhlak adalah suatu situasi yang terjana dalam diri seseorang manusia. Situasi ini merupakan dimensi rohaniah yang sangat penting kerana ia menjadi punca kepada semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia. Situasi ini juga yang akan membantu seseorang dalam merealisasikan sesuatu perbuatan yang baik atau perbuatan yang jahat. Ini membuktikan bahawa akhlak tidak merujuk kepada sesuatu perbuatan yang baik atau buruk yang dilakukan tetapi ianya adalah dimensi rohani yang mendesak seseorang supaya melakukan perbuatan sama ada baik atau buruk.<sup>69</sup>

### **1.2.2 Pembentukan Akhlak Dalam Diri Insan**

Fitrah manusia yang telah dilahirkan tersedia dengan agama yang benar, telah pun dibekalkan potensi untuk mengenal dan mentauhidkan Allah, cenderung kepada kebenaran

---

<sup>66</sup> Shaykh al-Mawlay Muḥammad A`lā bin `Alī al-Ṭahanawi (1966), *Mawsū`ah Iṣṭilāḥāt al-`Ulūm al-Islāmiyyah*. Jil. 2, Beirut: Khayyaṭ. h. 446, 447; Ibrāhīm Anīs (1972), *al-Mu`jam al-Wasīṭ*. Kaherah: Dār al-Ma`ārif. h. 202; Abū Bakr Jābir al-Jazāirī (1964), *Minhaj al-Muslim*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah. h.140; al-Ghazālī (2001), *op.cit.*, Jil. 3, h. 49; Ibn Miskawayh (t.t), *Tahdhīb al-Akhlāq*, Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh, h. 51.

<sup>67</sup> Shaykh al-Mawlay Muḥammad A`lā bin `Alī al-Ṭahanawi (1966), *op.cit.*, h. 447.

<sup>68</sup> Muḥammad Thābit al-Fandī *et.al* (1933), *Dā`irah al-Ma`ārif al-Islāmiyyah*, Jil. 1. Kaherah:, t.p., h. 521.

<sup>69</sup> Mohd Nasir Omar (2010), *Falāsafah Akhlak*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 84.

dan melakukan kebaikan serta selamat daripada penyimpangan<sup>70</sup> sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah hadith riwayat Abū Hurayrah r.a.:

ما من مولود الا يولد على الفطرة فأبواه يهودانه أو يمجسانه أو ينصرانه

“Tidak ada seorang bayi pun apabila dilahirkan melainkan telah tersedia dengan fitrah, lalu kedua orang tuanya yang akan menjadikannya Yahudi, Majusi mahupun Nasrani”<sup>71</sup>

Fitrah yang telah tersedia ini memerlukan proses *tarbiyyah*, *tahdhīb* dan *ta`līm* untuk dibangun dan dizahirkan. Lingkungan yang tidak baik akan mempengaruhi fitrah seseorang individu terutamanya anak kecil kerana potensi untuk mengenal kebaikan dan keburukan itu terdapat di dalam diri individu. Kecenderungan merasa tenang apabila melakukan kebaikan dan resah dengan suatu keburukan merupakan fitrah yang akan tumbuh dan berkembang melalui proses pendidikan yang baik dan sebaliknya jika keadaan sebaliknya yang berlaku.<sup>72</sup>

Bertitik tolak dari perbincangan mengenai fitrah yang sedia ada di dalam diri manusia, ianya memberi isyarat bahawa tabiat manusia itu mempunyai kecenderungan kepada kebaikan dan keburukan yang mana ia dilengkapi dengan persediaan untuk melaksanakan keduanya serta mampu untuk membezakan antara keduanya sebagaimana kemampuan membimbing *al-nafs* atau jiwa kepada kebaikan atau keburukan. Malah jiwa manusia itu sendiri yang bertanggungjawab dan juga memperhitungkan apa yang diberikan

---

<sup>70</sup> Muḥammad ‘Uthmān al-Najāṭī (2005), *al-Ḥadīth al-Nabawī wa ‘Ilm al-Nafs*, Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 248-249.

<sup>71</sup> Al-Bukhārī (2000), “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, “Kitāb al-Janāiz, Bāb Idhā Aslama al-Ṣabī Famāta”, no hadith. 1358, dalam Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad bin Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Aḥādīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘, h. 106.

<sup>72</sup> Muḥammad Uthmān al-Najāṭī (2005), *op.cit.*, h. 249-251.

oleh Allah iaitu akal yang padanya terdapat kekuatan kesedaran serta kemampuan untuk memilih dan membimbing.<sup>73</sup> Ia adalah berdasarkan isyarat yang telah diwahyukan oleh Allah dalam firmanNya:<sup>74</sup>

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّيْنَاهَا ۖ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ۗ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا  
وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ۗ

Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu, Dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.

Surah al-Shams (91): 7-10

Justeru itu, pembentukan akhlak di dalam diri insan adalah bertujuan untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia sekaligus menjadi insan yang baik tingkah lakunya. Tokoh-tokoh akhlak Islam seperti al-Ghazālī dan Ibn Miskawayh telah menyatakan bahawa akhlak itu selain daripada merupakan fitrah yang telah tersedia di dalam diri, ia juga boleh dibentuk dengan pendidikan dan kebiasaan. Dalam erti kata lain, ia boleh diusahakan.<sup>75</sup> Pendapat ini adalah berdasarkan kepada hujah bahawa Rasulullah s.a.w. diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak<sup>76</sup> dan juga anjuran Rasulullah s.a.w. supaya memperbaiki akhlak.<sup>77</sup>

<sup>73</sup> Anas Aḥmad Karzūn (2007), *Manhaj al-Islām fī Tazkiyah al-Nafs*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h. 41.

<sup>74</sup> Rujuk Surah al-Insan (76):3 dan Surah al-Balad (90):10.

<sup>75</sup> Al-Ghazālī (2001), *op.cit.*, Jil. 3. h. 53; Ibn Miskawayh (t.t), *op.cit.*, h. 51.

<sup>76</sup> Ia adalah berdasarkan Hadith yang bermaksud: “Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak”. al-Māwardī juga turut menyatakan bahawa pembentukan akhlak tidak boleh hanya diserahkan kepada akal semata-mata dan tujuan Rasulullah diutus adalah untuk menyempurnakan akhlak. Lihat al-Māwardī, Abū al-Ḥassan ‘Alī al-Baṣrī (1986), *Kitāb Adab al-Dunyā wa al-Dīn*, Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh, h. 231.

<sup>77</sup> Al-Ghazālī telah menyatakan di dalam *Ihyā’* tentang anjuran Rasulullah s.a.w. supaya memperbaiki akhlak iaitu “*Ḥassinū Akhlāqukum*”. Al-Ghazālī menambah lagi bahawa jika akhlak itu sesuatu yang tidak boleh

Oleh kerana proses pembentukan akhlak ini boleh memberi tindak balas kepada pendidikan dan kebiasaan, perbincangan mengenainya berkait dengan perbincangan mengenai daya atau *quwwah* yang terdapat di dalam diri manusia yang menjadi punca kepada semua perlakuan sama ada baik atau buruk. Ini kerana elemen material atau duniawi dan elemen non-material yang disebut sebagai ketuhanan atau ukhrawi yang terdapat di dalam diri manusia sering berusaha menyaingi di antara satu dengan yang lain untuk menguasai diri manusia. Jika elemen ukhrawi yang datangnya dari Allah menguasai diri manusia, maka ia akan mengutamakan desakan tuntutan rohani seperti iman, akhlak, ilmu, kebenaran dan agama. Ia juga akan mempengaruhi akhlak seseorang. Jika keadaan sebaliknya, elemen duniawi atau material yang menguasai, maka ia akan mengutamakan kehidupan kebendaan. Jika keadaan jiwa manusia itu seimbang, maka ia akan bersifat sederhana, adil, berani dan baik.<sup>78</sup>

Al-Ghazālī menyatakan akhlak yang baik disempurnakan melalui pengawalan empat rukun iaitu *quwwah al-‘ilm*<sup>79</sup>, *quwwah al-ghaḍab*, *quwwah al-shahwah*<sup>80</sup>, dan juga *quwwah al-‘adl*<sup>81</sup> yang berfungsi menyeimbangkan diantara ketiga-tiga *quwwah* (fakulti) sebelum ini.<sup>82</sup> Begitu juga Ibn Miskawayh yang turut menyebut tiga *quwwah* iaitu pertama,

---

berubah maka Rasulullah s.a.w. tidak akan menggesa perkara sedemikian dan akan terbatal setiap wasiat, peringatan agama dan juga ancaman agama. Lihat al-Ghazālī (2001), *op.cit.*, Jil. 3. h. 51.

<sup>78</sup> Mohd Nasir Omar (2010), *op.cit.*, h. 86.

<sup>79</sup> *Quwwah al-‘ilm* ini ialah kebaikan dan kesesuaiannya berada pada keadaan memudahkan pemiliknya faham serta mampu membuat perbezaan di antara kebenaran dan dusta dalam kata-kata, perbezaan di antara yang hak dan yang batil di dalam iktikad dan perbezaan yang baik dan buruk di dalam perbuatan. Apabila *quwwah* ini berada di dalam keadaan yang baik maka ia akan menghasilkan hikmah dan hikmah ini merupakan pangkal utama kepada akhlak yang baik.

<sup>80</sup> Kebaikan *quwwah al-ghaḍab* ini ialah apabila pemiliknya menjadikan suasana tertekan dan suasana lapang kedua-duanya diperlakukan mengikut kadar yang dituntut dan diperlukan oleh al-hikmah. Keadaan yang sama juga pada *quwwah al-syahwah* iaitu kebaikan dan kewajarannya berlaku di bawah isyarat hikmah iaitu isyarat akal dan syarak.

<sup>81</sup> Ia merupakan usaha penyesuaian al-syahwah dan al-ghaḍab di bawah isyarat akal dan syarak.

<sup>82</sup> Al-Ghazālī (2001), *op.cit.*, Jil. 3. h. 49.

*quwwah nāṭiqah* yang berfungsi melalui otak yang dengannya manusia mampu berfikir, belajar, membezakan antara yang baik dan buruk serta berupaya mengawal nafsu. Kedua, *quwwah ghaḍabiyah* yang berpusat di hati pula merupakan dasar kepada timbulnya akhlak yang hina dan jika dikawal, maka ianya akan membantu manusia memiliki sifat yang mulia. Ketiga, *quwwah shahwiyyah* mampu mempengaruhi manusia supaya tunduk kepada arahan nafsu yang dituntut oleh jasad.<sup>83</sup> Ketiga-tiganya adalah berasingan antara satu dengan yang lain dan berusaha untuk menguasai yang lemah. Keadaan ini akan terus berlaku sehingga suatu keadaan yang stabil terjana di dalam diri yang dinamakan akhlak yang mana ia akan mempengaruhi semua perbuatan yang dilakukan.<sup>84</sup>

Seseorang manusia akan bertindak berdasarkan *quwwah* (fakulti) yang menguasai jiwanya. Jika dikuasai oleh kekuatan akal, maka ia akan menjadi baik dan berakhlak mulia kerana ia berasal daripada Allah serta cenderung secara semulajadi ke arah kebaikan. Jika ia dikuasai oleh marah dan syahwat, maka ia akan terpandu ke arah kejahatan kerana kedua-duaya dikenali juga sebagai *al-hawā* atau nafsu yang merupakan lawan kepada akal dan syariat.<sup>85</sup>

Di dalam *Akhlāq wa al-Siyar*, Ibn Ḥazm telah menyatakan bahawa terkumpulnya semua kebaikan pada orang yang menahan diri dari nafsu dan keinginannya kerana ia dapat menolak kecenderungan *ghaḍab* dan kecenderungan *shahwah* disebabkan kedua-duanya terletak di bawah kekuasaan *al-hawā*.<sup>86</sup> Allah S.W.T. berfirman:

---

<sup>83</sup> Ibn Miskawayh (t.t.), *op.cit.*, h. 38.

<sup>84</sup> Mohd Nasir Omar (2010), *op.cit.*, h. 116.

<sup>85</sup> *Ibid.*, h. 88.

<sup>86</sup> Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Ḥazm al-Andalusī (2009), *Kitāb al-Akhlāq wa al-Siyar*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h. 83, 84.

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ ۖ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ

Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan menahan diri dari keinginan hawa nafsunya

Surah al-Nazi'at (79):40

Selain itu, Abū Bakr al-Rāzī menyebut bahawa dua prinsip penting dalam memperbaiki akhlak jiwa ialah pengendalian akal terhadap hawa nafsu dan pencegahan hawa nafsu dan syahwat. Prinsip pertama iaitu pengendalian akal ialah dengan menggunakan akal serta mengendalikan hawa nafsu dengan kelebihan akal yang telah dikurniakan oleh Allah. Prinsip kedua iaitu pencegahan hawa nafsu dan syahwat kerana sebahagian besar penyakit jiwa adalah berpunca dari hawa nafsu. Beliau telah menyatakan bahawa mencegah syahwat adalah suatu perkara yang susah dan rumit bagi kebanyakan individu. Ia akan menjadi mudah dengan kebiasaan yang dilaksanakan secara bertahap. Bermula dengan membiasakan diri mencegah syahwat yang ringan dan meninggalkan keinginan yang tidak dibenarkan oleh akal dan pemikiran. Ia akan berpindah ke tahap yang lebih tinggi sehingga menjadi akhlak dan kebiasaan kerana nafsu syahwatnya telah tunduk kepada pada jiwa rasional. Individu ini akan memperoleh kebahagiaan hasil daripada pengekangan hawa nafsu dan memanfaatkan akal dan pemikiran serta mentadbir (*siyāsah*) segala urusan dengan keduanya.<sup>87</sup>

Berdasarkan perbincangan mengenai *quwwah* yang terdapat di dalam diri manusia yang dilihat sebagai punca kepada setiap perlakuan, Ibn Miskawayh telah membahagikan

---

<sup>87</sup> Abd al-Laṭīff al-'Abd (1978), *al-Ṭibb al-Rūḥānī li Abī Bakr al-Rāzī*, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 49; Muḥammad 'Uthmān Najātī (1993), *al-Dirāsāt al-Nafsāniyyah 'Inda 'Ulamā' al-Muslimīn*. Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 42, 43.



dua situasi akhlak. Salah satunya bersifat tabi'i atau semulajadi dan juga akhlak yang dibina oleh seseorang melalui adat kebiasaan dan disiplin diri yang terbentuk daripada renungan dan pemikiran, kemudiannya menjadi amalan yang berterusan sehingga menjadi akhlak.<sup>88</sup> Akhlak atau situasi jiwa manusia ini dapat bertindakbalas dengan pendidikan, latihan dan juga disiplin dan ianya juga mempunyai potensi untuk berubah dalam masa yang singkat ataupun mengambil masa yang agak lama.<sup>89</sup> Walau bagaimanapun, menurut pandangan Ibn Miskawayh lagi yang menyamai pandangan al-Ghazālī, tahap kemampuan dan pencapaian manusia untuk mengalami perubahan dengan pendidikan ini adalah berbeza terutama pada kanak-kanak. Beliau telah merumuskan bahawa akhlak boleh menerima perubahan sama ada ke arah kebaikan atau keburukan melalui pendidikan, latihan dan tunjuk ajar.<sup>90</sup> Selain itu, dalam penghasilan akhlak sebagaimana definisi yang telah diketengahkan oleh al-Ghazālī, makna *takallafa* (membebaskan diri) merupakan jalan penghasilan *al-khuluq* ialah dengan berterusan atau selalu memaksa diri sehingga ia menjadi suatu kebiasaan.<sup>91</sup> Justeru, pembentukan akhlak dalam diri insan yang melalui proses pendidikan ini adalah untuk mengawal hal-hal kejiwaan seseorang supaya berada di tahap sederhana dengan melazimi dan melaksanakan proses *mujāhadah* dan juga *riyāḍah*. Ini adalah kerana akhlak *mahmudah* menurut syarak itu terhasil dengan jalan ini.<sup>92</sup>

Berdasarkan beberapa pandangan di atas, dapat disimpulkan akhlak merupakan suatu yang boleh berubah dan memerlukan didikan dan latihan untuk menjadi suatu kebiasaan yang akhirnya mendatangkan natijah yang baik iaitu terhasilnya sebuah akhlak

---

<sup>88</sup> Ibn Miskawayh (t.t), *op.cit.*, h. 51.

<sup>89</sup> *Ibid.*.

<sup>90</sup> *Ibid.*, h. 54; al-Ghazālī (2001), *op.cit.*, Jil. 3. h. 53.

<sup>91</sup> Al-Ghazālī (2003), *Kitāb al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn*, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 182.

<sup>92</sup> *Ibid.*, h. 54.

yang mulia. Dalam usaha untuk menjadikan sesuatu akhlak itu sebagai kebiasaan, didikan nafsu merupakan suatu yang sangat penting supaya ia tunduk kepada *quwwah al-'aql* yang memandu kepada kebaikan.

### 1.2.3 Kategori Akhlak

Akhlak di dalam Islam dikategorikan kepada dua iaitu akhlak yang baik (*maḥmūdah*) dan juga akhlak yang buruk (*madhmūmah*). Bersandarkan kepada definisi akhlak yang telah diterangkan sebelum ini, jika keadaan jiwa tersebut menimbulkan perbuatan yang cantik dan baik dari segi akal dan syarak, maka ia dinamakan akhlak yang baik. Jika keadaan sebaliknya berlaku, iaitu timbul perbuatan yang buruk, maka ia dinamakan akhlak yang buruk.<sup>93</sup> Pengertian kepada akhlak yang baik ini juga merujuk kepada *al-ādab* dan *al-faḍīlah* yang menatijahkan perkataan dan perbuatan yang baik menurut akal dan syarak. Manakala adab yang buruk dan *al-radhīlah* yang menatijahkan perkataan dan perbuatan yang buruk menurut akal dan syarak pula merujuk kepada akhlak yang buruk.<sup>94</sup>

Selain itu, istilah akhlak *maḥmūdah* dan juga akhlak *madhmūmah* masih merujuk kepada situasi jiwa yang melahirkan sesuatu perbuatan samada baik atau buruk. Akhlak *maḥmūdah* merupakan sifat yang tetap di dalam jiwa samada secara fitrah atau diusahakan yang mendorong kepada kehendak kelakuan yang terpuji disisi orang yang berakal.<sup>95</sup> Di dalam kehidupan seorang individu Muslim, akhlak *maḥmūdah* ini mendatangkan pengertian yang sangat besar kerana ianya melibatkan hubungan dengan dirinya, sesama manusia,

---

<sup>93</sup> Al-Ghazali (2001), *op.cit.*, Jil. 3. h. 49.

<sup>94</sup> Mahfūz 'Alī 'Azām (1986), *al-Akhlāq fī al-Islām bayn al-Nazariyyah wa al-Taḥbīq*. Mesir: Dār al-Hidāyah, h. 17.

<sup>95</sup> 'Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydānī (2008), *al-Akhlāq al-Islāmiyyah*, Jil. 1, Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 16.

malah hubungan dengan Rasulullah s.a.w sehinggalah hubungan dengan Allah.<sup>96</sup> Akhlak *maḥmūdah* ini antaranya ialah *al-hayā'*, *al-ṣidq*, *al-ṣabr*, *al-ḥilm* dan lain-lain lagi. Antara kepentingan akhlak yang dilihat dari sudut akhlak *maḥmūdah* ialah merupakan salah satu suruhan Allah, menunjukkan ketaatan kepada Rasulullah s.a.w., penyebab kepada memperoleh kasih sayang Allah dan RasulNya, kesempurnaan agama, timbangan yang berat pada mizan dan sebaik-baik amalan hamba.<sup>97</sup>

Akhlak *madhmūmah* merupakan sifat yang tetap di dalam jiwa sama ada secara fitrah atau diusahakan yang mendorong kepada kehendak kelakuan yang tercela di sisi orang yang berakal.<sup>98</sup> Ia merupakan akhlak yang perlu dijauhi dan ianya sangat penting disingkirkan dari dalam diri manusia.<sup>99</sup> Antara contoh akhlak *madhmūmah* ialah *riyā'*, *'ujub*, *al-kibr*, *ḥasad*, *al-ghaḍab* dan pelbagai lagi yang merujuk kepada penyakit hati yang perlu disingkirkan dan dijauhi. Keburukan yang akan diperolehi bagi mereka yang berakhlak dengan akhlak yang tercela ini sangat banyak dan Rasulullah s.a.w. mengajar umatnya supaya menjauhinya.

Berdasarkan kepada dua kategori akhlak ini, para ulama tasawuf dan akhlak telah mengetengahkan pelbagai metode dan cara berdasarkan panduan al-Qur'an dan al-Hadith untuk menyingkirkan akhlak tercela dan bagaimana untuk menghiasi akhlak terpuji di dalam diri. Ini kerana antara tujuan akhlak itu ialah *al-takhallī 'an al-radhā'il* iaitu dan *al-taḥallī bi al-faḍā'il*.<sup>100</sup>

---

<sup>96</sup> Musthafa Kamal Pasha (2002), *Qalibun Salim*, Jogjakarta: Citra Karsa Mandiri, h. 19.

<sup>97</sup> Rujuk Abū 'Abdullāh Fayṣal bin 'Abduh Qayr al-Ḥāshirī (2008), *al-Akhlāq Bayn al-Tab' wa al-Taṭabbu'*, Iskandariah: Dār al-Īmān, h. 13-17.

<sup>98</sup> 'Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydānī (2008), *op.cit.*, h. 16.

<sup>99</sup> Sa'īd 'Abd al-'Azīm (t.t.), *Khuluq al-Muslim*, Iskandariah: Dār al-Īmān, h. 9.

<sup>100</sup> *Ibid.*, h.15.

### 1.3 KEPENTINGAN PEMBANGUNAN KEROHANIAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK ISLAM

Penciptaan insan yang terdiri daripada jasad dan roh, jelas menunjukkan bahawa kedua-dua unsur ini sangat penting bagi manusia kerana ia melambangkan kesempurnaannya dan ia perlu dibangunkan mengikut acuan Islam. Walau bagaimanapun, tumpuan dan perhatian lebih diberikan kepada pembangunan rohani kerana ia melambangkan keterikatan hubungan antara insan dengan PenciptaNya iaitu Allah S.W.T. sebagaimana firmanNya:

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلِيقُ بَشَرًا مِّن طِينٍ ﴿٧١﴾ فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ  
فِيهِ مِن رُّوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴿٧٢﴾

(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia dari tanah". Maka apabila telah Kusempurnakan kejadiannya dan Kutiupkan kepadanya roh (ciptaan)Ku; Maka hendaklah kamu tersungkur dengan bersujud kepadanya".

Surah Sad (38):71-72

Ayat ini menjelaskan kewujudan aspek manusia dinisbahkan kepada asal usul tanah, sedangkan aspek kewujudan roh atau *nafs* dinisbahkan terus kepada Allah. Gambaran penisbahan di dalam ayat ini memberi isyarat tentang keutamaan aspek roh dalam bandingan dengan aspek jasad manusia.<sup>101</sup>

Istilah rohani membawa maksud roh, rohaniah dan juga batin iaitu suatu yang berkaitan dengan jiwa dan lawan kepada jasmani. Manakala kerohanian merupakan perihal rohani, sifat-sifat rohani.<sup>102</sup> Menurut al-Ghazālī, insan telah dilengkapi dengan unsur-unsur

<sup>101</sup> Zakaria Stapa (2001), *op.cit.*, h. 20.

<sup>102</sup> *Kamus Dewan Edisi Empat* (2007), *op.cit.*, h.1339.

spiritual atau rohani yang terdiri daripada *qalb*, *nafs*, *rūh* dan juga *al-'aql*. Keempat-empat unsur ini terdapat dalam diri manusia dan juga merupakan jati diri atau hakikat insan itu sendiri.<sup>103</sup> Kewujudan empat unsur ini menyebabkan manusia ditaklifkan dengan pelbagai taklif dalam kehidupan di dunia ini serta mempunyai perkaitan dengan aspek akhlak.

Justeru, dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah dan hamba Allah, insan memerlukan keunggulan peribadi bagi merealisasikan tanggungjawab tersebut. Unsur pembangunan spiritual atau rohani merupakan sesuatu yang penting terangkum di bawahnya ketetapan iman, keutuhan jiwa dan juga kemuliaan akhlak.<sup>104</sup> Usaha pembangunan diri dengan menghiasi nilai-nilai positif yang boleh menyumbang ke arah kebaikan<sup>105</sup> merupakan keutamaan yang telah dinyatakan di dalam Islam kepada pembentukan manusia yang mana akhlak merupakan fokus utama sebagai asas kehidupan yang baik di dalam hidup bermasyarakat.<sup>106</sup>

Para ulama di dalam bidang tasawuf antaranya Imām al-Ghazālī, al-Suhrawardī dan al-Qushayrī telah menggariskan beberapa panduan untuk membangunkan rohani insan menuju kepada kehidupan tasawuf yang mana ianya bermula dengan proses penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) untuk membentuk akhlak yang mulia. *Tazkiyah al-nafs* ini merupakan

---

<sup>103</sup> Al-Ghāzālī (2001), *op.cit.*, Jil. 3. h. 4-5.

<sup>104</sup> Che Zarrina Sa'ari dan Joni Tamkin Borhan (2003), "Psikospritual dan Metodologi Pengaplikasiannya dalam Kehidupan," dalam *Koleksi Kertas Kerja Isu Semasa Siri 4*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 63.

<sup>105</sup> Zakaria Stapa (2004), "Tasawuf dan Pembangunan Hakiki Ummah," dalam Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Che Zarrina Sa'ari, *Tasawuf dan Ummah*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 60.

<sup>106</sup> 'Alī Ma'bad Faraghī (1975), *op.cit.*, h. 30.

misi para Rasul dan merupakan matlamat bagi orang-orang yang bertaqwa dan padanya terdapat jalan kejayaan dan kecelakaan di sisi Allah.<sup>107</sup>

*Tazkiyah* menurut pengertian bahasa bermaksud penyucian, pembersihan dan penyuburan diri serta peyingkiran segala bentuk perkembangan yang tidak dikehendaki dan segala perkara yang tidak baik. Sebagai suatu terma spiritual ia membawa makna suatu usaha gigih dan bersungguh-sungguh untuk membersihkan dan menyucikan diri seseorang manusia dari sifat-sifat *madhmūmah* yang menjadi penghalang kepada penyuburan akhlak *maḥmūdah* seseorang insan.<sup>108</sup> Manakala *al-nafs* merupakan suatu jirim halus yang bergerak memberi kekuatan kepada kehidupan dan perasaan serta kehendak yang ada pada diri manusia.<sup>109</sup> *Al-nafs* sebagaimana yang telah disebut oleh Allah di dalam al-Qur'an terbahagi kepada tiga keadaan iaitu *al-nafs al-ammārah bi al-sū'*<sup>110</sup>, *al-nafs al-lawwāmah*<sup>111</sup> dan juga *al-nafs al-muṭma'innah*.<sup>112</sup>

Dalam hal ini, al-Suhrawardī menyatakan bahawa pembaikan akhlak tidak datang melainkan selepas proses *tazkiyah al-nafs* dan jalan kepada *tazkiyah* ialah dengan dasar

---

<sup>107</sup> Sa'īd Ḥawwā (2004), *al-Mustakhlaf fī Tazkiyah al-Anfus*, Kaherah: Dār al-Salām, h. 3.

<sup>108</sup> Che Zarrina Saa'ri (2002), "A Purification of Soul According to Sufis: A Study of al-Ghazali's Theory," *Jurnal Afkar*, Bil. 3, Universiti Malaya: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, h. 96-97; Che Zarrina Sa'ari (2007), "Peranan Penyucian Jiwa (Tazkiyah al-Anfus) terhadap Pembangunan Insan dalam Masyarakat Bertamadun," dalam *Prossiding Seminar Tasawuf Negeri Sembilan 2007*, Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, h.69-70.

<sup>109</sup> Al-Jurjānī (2000), *al-Ta'rifāt*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 239. Che Zarrina Sa'ari (2007), *op.cit.*, h. 71.

<sup>110</sup> Rujuk surah Yusuf (12):53. *Nafs al-ammārah bi al-sū'* ini cenderung kepada tabiat jasmani yang mengarahkan kepada kelazatan nafsu syahwat dan mejerumuskan *al-qalb* kepada kerendahan. Ia merupakan tempat keburukan dan merupakan sumber akhlak *madhmūmah* dan perbuatan yang keji. Rujuk 'Abd al-Rāziq al-Kāshānī (2007), *Mu'jam Iṣṭilāḥāt al-Ṣūfiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Ādāb, h. 101.

<sup>111</sup> Rujuk Surah al-Qiyamah (75):2. *Nafs al-Lawwāmah* merupakan jiwa yang disuluh dengan cahaya hati dan ia akan tersedar daripada kelalaian dengan memperbaikinya. Apabila ia terjerumus kepada kejahatan ia akan kembali bertaubat. *Ibid.*, h. 101.

<sup>112</sup> Rujuk Surah al-Fajr (89):27-30. *Nafs al-Muṭma'innah* ini jiwa yang sempurna dengan suluhan cahaya hati sehingga terlucut semua sifat *madhmūmah* daripadanya dan berakhlak dengan akhlak *maḥmūdah* serta berada di dalam ketaatan dan ketenangan. *Ibid.*, h. 101.

syarak. Semulia-mulia manusia yang jiwanya berkembang dengan sebaik-baik akhlak ialah Rasulullah s.a.w.<sup>113</sup>

Di dalam bidang kerohanian Islam, *tazkiyah al-nafs* ini merujuk kepada suatu usaha gigih untuk membersihkan hakikat atau zat sejati diri manusia dari pelbagai sifat yang rendah dan hina untuk dihiaskan zat sejati diri tersebut dengan pelbagai sifat yang mulia dan terpuji.<sup>114</sup> Ia mendapat tempat yang utama di dalam Islam kerana melibatkan penyucian dan pembersihan jiwa daripada kekotoran dan kejahatan serta membangunkan fitrah kebaikan padanya yang akhirnya akan menghasilkan *fadā'il* akhlak. Dengan proses *tahdhīb* ianya menyediakan iklim jiwa yang baik yang merupakan permulaan kepada kebaikan.<sup>115</sup> Proses *tazkiyah* ini melibatkan proses usaha dan kesungguhan seorang insan dalam menyelesaikan konflik antara baik dan buruk yang wujud di dalam *nafs* atau jiwanya.<sup>116</sup>

Proses pembangunan rohani ini yang melibatkan proses penyucian jiwa melibatkan dua proses penting iaitu *takhallī* dan *taḥallī*. Proses *takhallī* iaitu pembuangan atau pembersihan jiwa dari sifat-sifat yang rendah dan hina kerana mengotorkan hati<sup>117</sup> serta ia bertujuan untuk menyingkir akhlak *madhmūmah* atau lebih mudah difahami dengan membersihkan diri dari sifat-sifat tercela yang berasal dari hati manusia.<sup>118</sup> Proses *taḥallī*

---

<sup>113</sup> Ia adalah berdasarkan firman Allah dalam surah al-Qalam (68):4 dan menurut Mujāhid berkaitan maksud *khuluq al-‘azīm* ialah *al-dīn ‘azīm* yang mana *al-dīn* itu mengumpulkan amal yang soleh dan akhlak yang baik. Lihat ‘Abd al-Qāhir bin ‘Abdullāh al-Suhrawardī (1966), *Kitāb ‘Awārif al-Ma`ārif*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, h. 229.

<sup>114</sup> Zakaria Stapa (2012), *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat*, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 57.

<sup>115</sup> ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydānī (2008), *op.cit.*, h. 39.

<sup>116</sup> Che Zarrina Sa’ari (2003), *op.cit.*, h. 97.

<sup>117</sup> Mohd. Sulaiman Hj.Yasin (1997), *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 34, 35.

<sup>118</sup> Mustafa Zahri (1984), *Kunci Memahami Ilmu Tasawwuf*, Surabaya: PT Bina Ilmu, h. 74, 75.

pula ialah pengisian atau penghiasan jiwa atau hati dengan sifat-sifat yang tinggi dan mulia.<sup>119</sup>

Ini merupakan petunjuk bahawa akhlak mendapat kedudukan yang sangat penting di dalam kehidupan. Ini kerana kerana ianya tidak terpisah dengan akidah, iman mahupun aspek ibadah, muamalah, kemasyarakatan, politik mahupun politik dan kenegaraan kerana akhlak di dalam Islam merupakan jiwa dan roh yang menyerapi segenap aspek dan bidang.<sup>120</sup> Proses ini tidak hanya diberi tumpuan oleh ahli sufi sahaja, tetapi pada hakikatnya setiap insan perlu dibangunkan rohaninya.

Proses *tazkiyah al-nafs* yang melibatkan proses *takhallī* dan *tahallī* ini merupakan suatu yang penting dalam pembentukan akhlak Islam. Pembangunan kerohanian dalam pembentukan akhlak Islam memerlukan suatu usaha yang gigih dalam proses membersihkan jiwa dari keburukan sifat-sifat tercela. Ia perlu dimulakan dengan mengetahui keburukan yang tersembunyi serta akibat yang bakal diperolehi jika berterusan melazimi sifat-sifat yang tersebut. Pelbagai kaedah yang telah diketengahkan oleh para ulama Islam merujuk kepada kedua-dua proses ini walaupun mereka tidak menyebutnya secara langsung di dalam penulisan, tetapi masih lagi melibatkan kedua-dua proses ini. Ia dapat dilihat berdasarkan keterangan mengenai keburukan dan kecelaan sesuatu sifat *madhmūmah* atau kebaikan dan kelebihan sesuatu sifat *maḥmūdah* serta cara melazimi diri dengan mengamalkan atau meninggalkannya.<sup>121</sup>

---

<sup>119</sup> *Ibid.*

<sup>120</sup> *Ibid.*, h. 36.

<sup>121</sup> Antara ulama Islam di dalam bidang akhlak yang membincangkan mengenai akhlak mahmudah dan juga akhlak *madhmūmah* di dalam karya mereka ialah Imām al-Ghazālī di dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, al-Qushayrī di dalam *Risālah al-Qushayriyyah*, Imām al-Ḥārith al-Muḥāsibī di dalam *al-Ri'āyah li Huqūq Allāh*, Imām



Justeru, pembangunan kerohanian mempunyai kepentingan di dalam pembentukan akhlak Islam kerana pertalian yang erat antara keduanya mampu untuk membentuk insan yang cemerlang budi pekerti serta tingkah lakunya.

#### **1.4 KAITAN ANTARA PEMBANGUNAN MODAL INSAN DENGAN PEMBANGUNAN KEROHANIAN**

Allah S.W.T. telah menyatakan di dalam al-Qur'an mengenai penciptaan insan dengan tujuan untuk beribadah kepadaNya selaku hambaNya,<sup>122</sup> menjalankan tugas sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi,<sup>123</sup> dipermudahkan segala macam nikmat untuk kegunaan hamba-hambaNya<sup>124</sup> dan juga disediakan balasan di akhirat kelak sama ada syurga atau neraka. Rentetan dari perkara ini, insan mempunyai tanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus bumi ini dengan baik. Justeru, bagi merealisasikan tanggungjawab yang besar ini, antara aspek terpenting ialah pembangunan kerohanian kerana ia dapat membangun modal insan yang bertepatan dengan pentaklifen sebagai khalifah di bumi.

Di dalam pembangunan modal insan, aspek terpenting untuk dibangunkan ialah pembangunan rohani yang sudah pasti dikaitkan dengan unsur terpenting dalam pembangunan iaitu manusia. Pembangunan manusia dilihat pada kedua-dua unsur yang terdapat pada dirinya iaitu jasmani mahupun rohani. Unsur jasmani dibangunkan melalui tuntutan dan keperluan hidup yang bersifat jasmani yang terkumpul dalam tiga perkara pokok iaitu pakaian dan perhiasan, kediaman dan keamanan. Tuntutan dan keperluan unsur

---

al-Māwardī di dalam *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* serta banyak lagi karya-karya agung di dalam bidang akhlak serta tasawuf Islam yang telah dikarang oleh ulama terdahulu.

<sup>122</sup> Rujuk Surah al-Dharyat (51):56.

<sup>123</sup> Rujuk Surah al-Baqarah (2):30.

<sup>124</sup> Rujuk Surah al-Nahl (16):10-16; Surah al-Isra (17):70; Surah al-Naml (27):73; Surah al-Jathiyah (45):12-13.

jasmani ini hanyalah sebagai wasilah kepada unsur rohani yang merupakan alat untuk mencapai matlamat rohani atau kerohanian.<sup>125</sup> Manakala unsur rohani manusia dibangunkan dan dijaga dengan melaksanakan Rukun Islam, meyakini Rukun Iman dan menghayati Ihsan. Ia merangkumi proses peribadatan dan penghayatan yang akhirnya akan mewujudkan insan yang kukuh dari aspek kerohaniannya. Keperluan kepada pembangunan modal insan amatlah dititikberatkan kerana hanya insan yang cemerlang dari segi rohaninya sahaja yang mampu untuk menjalankan tanggungjawab sebenar sebagai hamba dan khalifah.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, pembangunan modal insan antara misi Islam dalam membentuk umat yang berjaya di dunia dan akhirat. Ini jelas menunjukkan Islam lebih mementingkan pembangunan manusia itu sendiri untuk sampai kepada tahap insan *'ibād al-raḥmān*.<sup>126</sup> Justeru, dalam usaha memperoleh *al-falāḥ* di dunia dan di akhirat, insan perlu dibangunkan dari aspek kerohaniannya sebagaimana yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w. supaya dapat dimanfaatkan kepada persekitaran dan keadaannya serta menjaga hubungannya dengan Allah serta sesama makhluk.

Pembangunan kerohanian insan ini terhasil dengan membangun keperibadiannya sehingga mencapai tingkat dan darjat kesempurnaan manusia atau *insān kāmil*. Tanpa pembangunan kerohanian ini, pembangunan dari aspek lain seperti ekonomi, sosial, dan politik akan turut gagal kerana pembangunan peribadi manusia adalah akar umbi yang penting dalam menentukan jatuh bangun sesebuah negara.<sup>127</sup> Menurut Miqdād Yaljan,

---

<sup>125</sup> Haron Din (2002), *Manusia dan Islam*, Jil.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5-6.

<sup>126</sup> Andek Masnah Andek Kelawa (2004), "Dakwah dan Pembangunan Insan Seimbang," dalam *Jurnal IKIM*. Bil.12, No.1, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. Januari/Jun 2004, h. 120.

<sup>127</sup> *Ibid.*, h. 120.

rohani insan perlu dibangunkan serta dihidupkan berdasarkan empat keperluan iaitu pertama, keperluan pembangunan rohani adalah sebagaimana keperluan jasmani iaitu jika ia dihalang daripada keperluannya, maka ia akan menyebabkan kemudaratan dan kesakitan. Keadaan yang sama juga berlaku kepada rohani yang perlu dipenuhi kehendaknya kerana jika dinafikan kehendak rohani lalu akan menyebabkan timbulnya penyakit rohani;<sup>128</sup> kedua, ia dapat melindungi dan mencegah insan daripada sebahagian penyakit yang diakibatkan oleh pengabaian pembangunan rohani;<sup>129</sup> keperluan ketiga ialah pembangunan rohani merupakan elemen penting untuk mencapai kebahagiaan; seterusnya ia juga penting sebagai salah satu faktor daripada faktor persaingan, penyempurnaan dan menjadi lebih baik.<sup>130</sup> Dalam hal ini pembangunan rohani bertujuan untuk meningkatkan rohani insan sehingga sampai kepada Allah dan tidak mungkin akan terjadi melainkan dengan persaingan insan untuk menghilangkan *radhā'īl* dan kemudiannya menyempurnakan dengan *faḍā'il* semata-mata kerana Allah.<sup>131</sup>

Perkaitan antara pembangunan kerohanian dengan pembentukan akhlak Islam melalui proses *tazkiyah al-nafs* menunjukkan pembangunan modal insan dari segi akhlak bukan sahaja untuk menjamin kejayaan dalam kehidupannya semata-mata, tetapi ia juga merupakan keperluan untuk membina masyarakat dan tamadun manusia yang maju. Membina masyarakat yang baik adalah bermula dari pembentukan individu yang baik

---

<sup>128</sup> Miqdād Yaljan (1985), *Falsafah al-Ḥayāh al-Rūḥiyyah*, Beirut: Dār al-Shurūq, h. 51.

<sup>129</sup> Penyakit ini dibahagikan kepada dua iaitu kelesuan, kebimbangan, kemurungan, kekeliruan dan merasa lemah berhadapan dengan tanggungjawab yang akhirnya akan membawa kepada bunuh diri. Bahagian kedua yang disebabkan oleh pengabaian pembangunan rohani dibahagikan kepada dua iaitu penyakit fizikal akibat daripada ketidakstabilan mental (psikopatologi) dan juga keburukan akhlak dan jenayah yang dilakukan oleh orang yang tidak mempunyai kekuatan rohani kemudian membawa penyakit ini kepada penyakit jasmani seperti seks bebas yang membawa kepada penyakit berjangkit. Pembangunan rohani dilihat dapat mencegah individu dari terjerumus kepada keburukan. Lihat *ibid.*, h. 53-55.

<sup>130</sup> *Ibid.*, h. 60.

<sup>131</sup> *Ibid.*, h. 61.

sebelumnya.<sup>132</sup> Ini kerana, pembentukan dan pembangunan syakhshiah seseorang insan bermula dari akhlak yang merupakan gambaran batin seseorang individu. Ia juga mempunyai hubungan dengan struktur syariah iaitu dari aspek ibadah serta muamalah dan akidah di dalam Islam. Kesan daripada pembentukan individu yang berakhlak mulia ialah terbinanya masyarakat yang beriman dan beramal saleh<sup>133</sup> sabda Rasulullah s.a.w.:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنَهُمْ خَلْقًا

“Orang Mukmin yang paling sempurna imannya ialah mereka yang paling baik akhlaknya”<sup>134</sup>

Pengajaran yang boleh di dapati di dalam Hadith ini menunjukkan Rasulullah s.a.w. telah meletakkan akhlak sebagai unsur penting untuk diaplikasikan dalam keseluruhan hidup manusia. Setiap tingkah laku manusia tidak akan terlepas daripada diikat dengan nilai-nilai akhlak. Ia dapat dilihat melalui sejarah Islam yang telah melakarkan produk manusia yang dilahirkan melalui didikan Rasulullah s.a.w.. Hubungan yang dibina bukan hanya terhenti setakat hubungan manusia dengan Pencipta, malah merangkumi hubungan sesama insan dan juga alam sekeliling.<sup>135</sup> Di sini dapat dilihat bahawa terdapat perkaitan antara pembangunan kerohanian dengan pembangunan modal insan kerana ia melibatkan unsur

---

<sup>132</sup> Miqdād Yāljan (1996), *Dawr al-Tarbiyyah al-Akhlāqiyah al-Islāmiyyah*, Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, h. 33.

<sup>133</sup> Ia bersandarkan kepada surah al-‘Asr. Selain itu, hasil daripada pembangunan kerohanian yang dibina di atas dasar akhlak ini juga dapat membangunkan modal insan dan menghasilkan ahli masyarakat yang penuh kasih sayang dan menjalankan amar makruf nahi mungkar berdasarkan surah Ali-Imran (2):103 dan 110 serta beriman dengan keesaan Allah melalui penghayatan ibadah dan tujuan penciptaannya berdasarkan surah al-Dhariyat (51):56. Lihat Kāyed Qar’ūsh *et.al* (2007), *al-Akhlāq fī al-Islām*, Jordan: Dār al-Manāhij li al-Nashr wa al-Tawzī’, h. 23-26.

<sup>134</sup> Imām Abū Dāwūd (2000), “Sunan Abī Dāwūd”, “Kitāb al-Sunnah, Bāb al-Dalīl ‘ala Ziyādah al-Īmān wa Nuqṣānihi”, no hadith, 4682, dalam Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad bin Ibrāhīm, *Mawsū‘ah al-Aḥādīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, al-Riyadh: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, h. 1567.

<sup>135</sup> ‘Abd a-Raḥman Ḥassan al-Ḥabannakah al-Maydānī (2008), *op.cit.*, h. 58-60.

penjanaan pembangunan dalaman diri insan yang membantu usaha pembangunan modal insan yang selari dengan kehendak Islam. Penafian kepada pembangunan rohani akan hanya membina generasi yang rosak serta hanya menyumbang kepada terbinanya modal insan yang tidak dapat menjalankan tanggungjawab selaku hamba dan khalifah di muka bumi ini.

## **1.5 KESIMPULAN**

Perbincangan bab ini adalah menjurus kepada pembangunan modal insan dari aspek kerohanian menurut akhlak Islam. Aspek pembangunan kerohanian di dalam pembangunan modal insan adalah suatu yang tidak dapat dinafikan kepentingannya yang dibincangkan menerusi perbincangan akhlak Islam. Peranan modal insan yang terdidik dan terbina dengan nilai-nilai kerohanian yang terbentuk dengan akhlak mulia dilihat akan memberi impak yang positif kepada pembinaan sesebuah Negara. Keadaan ini berbeza dengan perspektif pandangan Barat yang melihat insan hanya sebagai alat bagi sesebuah pembangunan serta menafikan nilai kerohanian di dalam diri setiap insan. Ajaran Islam yang syumul dan sempurna telah meletakkan akhlak sebagai antara asas pembangunan individu selaku khalifah yang akan memakmurkan bumi. Justeru, insan mampu memikul tanggungjawab ini serta merealisasikannya apabila nilai-nilai kerohanian yang memberi tumpuan kepada pembentukan akhlak dihidupkan dan dijana di dalam diri setiap individu. Kesannya ialah terhasil insan yang berakhlak mulia, hasil dari proses didikan dan tarbiyyah yang menjurus kepada proses penyucian jiwa dari sifat-sifat yang tercela. Modal insan seperti ini mampu untuk mentadbir dan mengurus isi alam dengan baik kerana jiwanya telah dibangunkan dengan nilai-nilai akhlak mulia. Seterusnya, modal insan seperti ini juga mempunyai

kesedaran dan rasa kehambaan yang tinggi dan mempunyai hubungan yang baik di dengan sesama insan dalam alam sekelilingnya.